

INFOLIB

PERPUSTAKAAN
POLITEKNIK
PREMIER
SULTAN
SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ
SHAH

BIL.33
JULAI —
DISEMBER 2017

ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN PUSTAKAWAN	2
BERITA STAF	3
SENARAI AKTIVITI	4 - 5
STATISTIK	6- 7
GALERI AKTIVITI	8 -17
CATATAN KEMBARA	18- 21



"JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN"

Seramai 17 orang pelajar semester 2 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Fasiliti dari PSA telah dipilih untuk menyertai program anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 4 November 2017 (Sabtu).

Program ini bertujuan mendedahkan para peserta memupuk amalan membaca sebagai budaya rakyat Malaysia tidak mengira dimana berada.

Dilancarkan oleh Ketua Setiusaha Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Rashidi bin Hasbullah.

ISSN 2180-3943



KATA ALUAN PUSTAKAWAN



Assalamualaikum w.b.r

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana masih diberi ruang dan kesempatan untuk meneruskan terbitan Buletin Infolib keluaran Julai—Disember 2017 edisi ke 33. Segala aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2017 telah terlaksana dengan jayanya dengan kerjasama semua warga unit Perpustakaan.

Diharapkan penerbitan Buletin Infolib ini akan terus kekal menjadi medium penghubung unit Perpustakaan dengan semua pembaca, dalam menyampaikan segala maklumat dan aktiviti yang dijalankan dari semasa ke semasa sejajar dengan objektif kami iaitu menyebarkan maklumat kepada umum.

Akhir kata, selamat menyambut Tahun Baharu 2018 buat semua pembaca Buletin Infolib.

Ikhlas dari :

Siti Fatimah Bt Wahab
Pustakawan Kanan
Politeknik Primier
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

BERITA STAF

TAHNIAH

KENAIKAN PANGKAT FLEKSIBEL S44

PN.NORHAYATI MAJID (PUSTAKAWAN S41)

Ucapan tahniah buat Pn.Norhayati bt Majid Pustakawan S41 di atas kenaikan pangkat beliau kepada S44. Beliau dikehendaki melapor diri pada 18/12/2017 dan kekal di PSA.

Semoga kenaikan ini akan memberi perasan sang dan semangat kepada beliau.



PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DARI PSA

DESY MUTIA BT NASRUL

Unit perpustakaan telah menerima seorang pelajar latihan industri dari PSA untuk menjalani latihan selama 5 bulan mulai Disember 2017 hingga April 2018.

Latihan ini merupakan syarat utama kepada pelajar PSA sebelum menamatkan pengajian mereka.

Desy merupakan pelajar dari jurusan Perdagangan di Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2017

TARIKH	AKTIVITI
1 FEB 2017	LAPOR DIRI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI UITM SHAH ALAM
15-17 FEB 2017	TAKLIMAT BENGKEL LITERASI MAKLUMAT SEMESTER 1 PELAJAR DIPLOMA & PELAJAR PROGRAM IJAZAH
15 MAC 2017	LAWATAN KERJA DARI MAJLIS AGAMA ISLAM KE PERPUSTAKAAN PSA
16 MAC 2017	AUDIT DALAMAN UNIT PERPUSTAKAAN
17 APRIL 2017	LAWATAN KERJA UNIT PERPUSTAKAAN PSA KE USIM
25 APRIL 2017	PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT
5 MEI 2017	GOTONG ROYONG PERDANA "EKSA ZON PERIDOT"
24-25 MEI 2017	AUDIT DALAMAN BAGI PROGRAM BEU
1 JUN 2017	AUDIT EKSA ZON PERIDOT UNIT PERPUSTAKAAN
5 JULAI 2017	MAJLIS PERPISAHAN PELAJAR PRAKTIKAL UITM
1 OGOS 2017	GOTONG ROYONG EKSA

5 OGOS 2017	JAMUAN & TAZKIRAH ZON PERIDOT
11 OGOS 2017	PROSES PERLUPUSAN MEJA KAREL TERBUKA
14 OGOS 2017	AUDIT SIRIM
19 OGOS 2017	PAMERAN SUKAN SEA 2017 DI RUANG LEGAR
6 SEPTEMBER 2017	PINJAMAN BERKELOMPOK DARI PNM
13 SEPTEMBER 2017	AUDIT DALAMAN EKSA ZON PERIDOT
30 SEPTEMBER 2017	BENGKEL LITERASI MAKLUMAT PELAJAR IJAZAH SEMESTER 5 DI PNM
4 OKTOBER 2017	PROSES PELUPUSAN BUKU
4 NOVEMBER 2017	PROGRAM "JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN 2017" ANJURAN PNM
10 NOVEMBER 2017	JAMUAN PERPISAHAN PN ZALINA MAT ARIS KUPLI "ZON PERIDOT"
4-8 DISEMBEN 2017	AUDIT ASET

STATISTIK PERPUSTAKAAN

10 PEMINJAM TERBANYAK (PELAJAR)


BIL	NAMA	NO.MATRIK	JABATAN
1	ROSINAH HAYATI	08DPI16F2058	JPG
2	POON WEN YAR	08DPI17F1152	JPG
3	NUR AINI	08DEU17F1141	JKE
4	FARISZ	08DPB16F106	JKA
5	MALINA JAMES	08DJK17F1136	JKA
6	NUR HANI	08DKA17F1315	JKA
7	TARIQ RAZMAN	08DKM16F1029	JKM
8	WAN MUHD IQBAL	08DPI17F1251	JPG
9	AHMAD FIRDAUS	08DPI17F1213	JPG
10	YAP REENEE	08DPI17F1134	JPG

10 PEMINJAM TERBANYAK (STAF)

BIL	NAMA	NO.K/P	JABATAN
1	NORLIA GHAZALI	810522075558	JKE
2	TENGKU MOHD AIZAN	760101035651	HEP
3	NORHAYATI MAJID	760323086542	LIB
4	RUSNANI YAHYA	800331025938	
5	ZURAIDAH OMAR	701112035112	JMSK
6	LEE TEN TEN	73122145352	JMSK
7	ZANITA ZAHARI	790818035058	ICT
8	MADYA MASTIKA	811027135140	
9	MOHD FIRDAUS	830308045153	UIDM
10	SITI AZLIYA	770418045232	

PERKHIDMATAN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
PEMINJAMAN	171	78	164	70	71	95
PEMULANGAN	143	105	81	81	52	67
INTERNET	691	482	532	298	105	322
MENAIP DAN MENCETAK	284	203	260	171	43	206
BILIK TERATAI	2	8	4	3	4	2
BILIK PERBINCANGAN	125	203	120	59	5	24
BILIK KAREL	14	8	7	20	0	1

STATISTIK PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN JULAI - DISEMBER 2017



PENGUNJUNG	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DISEMBER
	26396	16820	20532	12180	4459	10121

STATISTIK PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN JULAI - DISEMBER 2017



GALE R I A K T I V I T I

Bersempena sambutan "Jamuan Raya" peringkat PSA, Unit Perpustakaan telah diberi tugas menghias gerai makanan dan telah bergabung tenaga dengan 2 unit lain iaitu UIDM dan UPSG bagi pertandingan kategori "Gerai Tercantik". Gabungan 3 unit ini telah menjadikan gerai dipilih sebagai pemenang bagi kategori "Gerai Tercantik".

Tahniah diucapkan kepada para staf yang telah bekerja keras dalam pertandingan ini.






AUDIT SIRIM 2017

PSA dalam proses memperbaharui sijil SIRIM bagi tempoh 3 tahun kehadapan, Unit perpustakaan tidak terkecuali dalam menghadapi audit fasiliti dari pihak SIRIM.



Tazkirah “Zon Peridot”
bersempena jamuan raya serta
meraikan pengantin baru iaitu
En.Syamil dari Uidm.





Kontraktor berdaftar telah dipilih bagi proses pelupusan Fasa 1 “Buku versi lapuk” ini.

Hasil kutipan pelupusan ini akan di salur kepada Unit Kewangan.



Unit Perpustakaan turut dijadikan pusat pengambilan jubah bagi majlis konvokeyen PSA tahun 2017.

Bukan sekadar memberi perkhidmatan sumber maklumat kepada para pengguna, kepelbagaian perkhidmatan di sediakan.



Pinjaman berkelompok sebanyak 340 buah buku telah dipinjam dari Perpustakaan Negara Malaysia




UNIT PERPUSTAKAAN TURUT MENGAMBIL PELUANG
MENYEDIAKAN PAMERAN SUKAN SEA 2017 DI RUANG
LEGAR PERPUSTAKAAN



PERLUPUSAN RAK TERBUKA DI RUANG BACAAN PERPUSTAKAAN

PENUKARAN FORMAT “VIDEO TAPE”
KEPADА FORMAT AUDIO VISUAL



BENGKEL LITERASI MAKLUMAT PELAJAR DEGREE SEMESTER 5 DI PNM



Sepanjang cuti semester berlangsung, aktiviti pembersihan iaitu penyusunan semula langsir di

dalam Bilik Teratai

JAMUAN PERPISAHAN PN ZALINA MAT ARIS ZON PERIDOT UNIT PERPUSTAKAAN & SESI TAZKIRAH BULANAN





PEMBELIAN
BUKU DARI
BOOKLINE
SERVICES
BAGI TAHUN
2017



PROSES PELUPUSAN BUKU VERSI LAPUK FASA KEDUA



PENYERAHAN RAK KASUT KEPADA UNIT PERPUSTAKAAN

PROJEK AKHIR OLEH PELAJAR SEMESTER 5 JURUSAN DIPLOMA
TEKNOLOGI BERASASKAN (KAYU) PSA



catatan kembara percutian
oleh Norlina

BALI

PULAU UNIK & EKSOTIK...

Sambungan episod akhir....

Hari ke 4

Kembara hari terakhir diteruskan dengan menjelaki Tanah Lot Bali dan Pantai Kuta .

Tanah Lot merupakan tempat wajib yang mesti dikunjungi oleh para pelawat yang datang ke Bali. Tanah Lot sangat terkenal dengan keindahan persekitaran luar pesisir yang unik dan merupakan "hotspot" untuk melihat matahari terbenam. Di sekitar pantai terdapat deretan café yang dibina khas di atas bukit untuk para pengunjung menikmati keindahan matahari terbenam sambil menikmati hidangan di café.

Selain itu dipersekutaran tanah Lot turut mempunyai pusat rekreasi seperti kedai kraf serta taman kebudayaan yang indah dan sangat cantik untuk mengambil bergambar kerana pemandangan persekitaran yang sangat indah.





Pantai Kuta

Kuta adalah kawasan pantai dan pusat tumpuan pelancong. Terdapat banyak resort dari kadar sederhana sehingga resort mewah di sepanjang pantai Kuta. Ia terletak di selatan pulau Bali, Indonesia. Pantai ini merupakan salah satu perkembangan pelancongan pertama di Bali, ia terkenal dengan suasana hiburan iaitu parti juga kelab yang banyak disini serta aktiviti “surfing” di kalangan para pelancong kerana pantai ini mempunyai arus gelombang yang panjang dan konsisten menjadikannya pantai yang popular untuk aktiviti perlayaran.

** Maka berakhirlah pengembalaan percutian ke Bali selama 4 hari 3 malam.



BERI PERHATIAN KESIHATAN TUBUH

Waspada pilih tempat makan selain pastikan rutin bersenam terus dijalankan

Menikmati keenakan hidangan tempatan di lokasi yang dikunjungi saat bercuti bagaikan satu kemestian. Mencuba sendiri keseronokan atau tarian yang ditawarkan di dalam taman tema juga cukup mengujakan.

Ia secara tidak lansung melengkapi kunjungan ke destinasi yang dituju. Namun, dalam melakukan semua perkara di destinasi yang dituju, ia nyata menggunakan tenaga yang lebih. Secara tidak lansung mengakibatkan badan terasa lemah dan mungkin anda jatuh sakit. Anda perlu ingat bahawa perut anda tidak selalunya sesuai dengan semua jenis makanan. Jadi berhati-hati dengan setiap apa yang anda makan.

Untuk kekal sihat sepanjang percutian, tip dibawah mungkin dapat membantu :

- ◊ **Jaga dan makan makanan bersih**

Saat di destinasi, carilah tempat makan bersih. Walaupun percutian anda itu percutian cari makan, tempat makan yang dikunjungi haruslah terjamin kebersihannya. Jangan sampai sepanjang perjalanan anda menahan sakit perut.

Pastikan anda sentiasa mencuci tangan sebelum dan sesudah makan. Bawalah sabun antiseptic yang berbentuk jel dan tidak perlu dibilas kemananya saja anda pergi.

- ◊ **Alahan**

Jika anda mempunyai alahan tertentu, pastikan rakan anda tahu mengenainya. Perkara ini penting supaya rakan anda dapat membantu jika anda memakan sesuatu yang membuatkan anda alahan.

Beritahu juga cara pertolongan bagaimana yang harus dilakukan jika reaksi alahan muncul. Lakukan hal serupa jika memiliki penyakit tertentu.

- ◊ **Bersenam**

Tetap bersenam walau tengah bercuti tidak ada salahnya. Sebaliknya ia adalah langkah bijak dan cara terbaik untuk kekal sihat sepanjang bercuti. Jika anda perlu menempuh penerbangan jauh, cuba berjalan di sepanjang laluan pesawat untuk merenggangkan tubuh setiap 1 jam. Manfaatkan juga gymnasium jika ia disediakan di hotel penginapan anda.

- ◊ **Berehat**

Sebelum memulakan percutian, rancang jadual perjalanan anda sebaiknya. Jika hari pertama anda seharian diluar dan banyak aktiviti lasak, biarlah hari berikutnya dimanfaatkan untuk beristirehat atau melakukan aktiviti yang membolehkan tubuh anda berehat. Pilih juga aktiviti yang lebih santai seperti memanjakan diri di spa atau menonton pertunjukan teater, wayang dan jangan berjaga malam kerana anda memerlukan tidur yang cukup untuk aktiviti pada kesokan harinya.

- ◊ **Ubat**

Walau anda sihat ketika memulakan perjalanan, tetaplah membawa ubat-ubatan yang biasa anda ambil. Walaupun anda tidak menghidap penyakit tertentu yang memerlukan ubat khusus, membawa ubat biasa seperti ubat sakit kepala, cirit birit, mabuk dan banyak lagi adalah perlu.

Jadi jika anda sakit anda sudah bersedia dengan ubat sekaligus dapat mengelak daripada sakit itu berpanjangan. Anda tidak perlu bergegas ke farmasi atau kedai untuk mencari ubat pada saat diserang sakit.


Sumber : Harian Metro : Santai Khamis 16 Februari 2017

KEMBARA KERETA API

Percutian ditawarkan beberapa negara maju boleh dipilih untuk pengalaman baru



PILIH beg yang sesuai agar anda mudah mengendalikan barang ketika menaiki kereta api.



KABIN tidur dalam kereta api yang memberikan keselesaan kepada penumpang.



TP MELANCONG

Susunan Sulati Asri
sulati@metro.com.my

Ingin mencari kelainan untuk percutian keluarga? Penjelajahan menaiki kereta api salah satu idea yang mungkin boleh dipertimbangkan.

Di beberapa negara maju antaranya Amerika Syarikat, Paris dan Itali ada menawarkan percutian kereta api yang cukup mengujakan serta selesa.

Sepanjang perjalanan, anda bakal disajikan dengan pelbagai pemandangan menakjubkan termasuk pergunungan dan taman negara yang menghijau.

Bukan itu saji, anda juga berpeluang melakukan pelbagai aktiviti atau berehat di tempat duduk dengan ruang tidur yang cukup selesa.

Walau hanya duduk di dalam kereta api, ia pasti tidak membosankan ditambah dengan keselesaan ditawarkan.

Jika anda mengimpikan percutian seumpama ini, jom semak tip melancong untuk menjadikan percutian keluarga dengan kereta api dapat direalisasikan sepenuhnya.

1. CARI LALUAN DAN PENGENDALI KERETA API YANG BERSESUAIAN

Saat bercuti dengan keluarga, banyak perkara yang harus dipertimbangkan

pengendali kereta api yang bersesuaian.

Teliti segala kemudahan yang disediakan termasuk tempat duduk, tidur dan makanan disajikan. Bagi memudahkan anda, cari paket yang semua dalam satu.

2. BELI TIKET AWAL

Membeli tiket awal sangat menjanjikan dan memberikan anda banyak pilihan. Selain itu, anda juga boleh mendapatkan keistimewaan yang mungkin ditawarkan syarikat pengendali disebabkan pembelian tiket awal.

3. PILIH TEMPAT TIDUR YANG SELESA

Bercuti dengan kereta api sememangnya mengambil masa lebih dari sehari dan memerlukan anda tidur dalam kereta api. Jadi, adalah lebih baik anda memilih tempat tidur yang sesuai untuk anda seisi keluarga.

Saat menaiki kereta api Amtrak misalnya, pengendali kereta api ini menawarkan tiga jenis tempat tidur iaitu koc, 'Roomettes' dan 'Bedrooms'.

'Roomettes' adalah kabin berkembar yang perlu dikongsi bersama orang lain jika ketika itu anda bercuti bersendirian.

'Bedrooms' pastinya lebih besar dan memberikan keselesaan terutama fandas peribadi dan bilik mandi yang sangat sesuai bagi anda yang bercuti dengan anak-anak.

4. TEMPAT MEJA

Bagi memudahkan anda menjamu selera terutama ketika makan malam, buat tempahan awal. Pilih hidangan yang sesuai supaya anak-anak boleh menikmati makan malam dengan tenang.

Apabila mereka kenyang, sudah pasti tidak meragam dan tidur lepa.

5. PILIH KERETA API YANG MENAWARKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN

Beberapa syarikat kereta api menawarkan pelbagai perkhidmatan dan aktiviti di dalam gerabak. Bagi mengelakkan anda terutama anak-anak bosan, pilihlah paket yang mempunyai banyak aktiviti sepanjang pengembaraan anda.

6. GUNAKAN BEG YANG RINGAN DAN MUDAH DIBAWA

Bercuti dengan kereta api sedikit berbeza dengan percutian biasa. Jadi, dalam penyediaan barang atau beg yang dibawa, ia perlulah dipilih dengan bijak.

Mengangkat beg yang besar dan berat sepanjang berada di stesen kereta api sememangnya meriskakan.

Justeru, gunakan beg yang ringan dan mudah dibawa. Penggunaan beg beroda dan mempunyai pemegang yang kuat sangat membantu kerana ia memudahkan anda mengendalikannya.

Namun, biar beg itu tahan lasak supaya jika terjadi sebarang masalah seperti beg

OPERASI PERKHIDMATAN SEMASA SEMESTER

SNIN - JUMAAT

8.30 PAGI - 6.00 PETANG

CUTI SEMESTER :

WAKTU PEJABAT SAHAJA

ISNIN-KHAMIS :

8.30 PAGI - 1.00 TENGAHARI

2.00 PETANG - 5.00 PETANG

JUMAAT:

8.30 PAGI—12.15 TENGAHARI

2.45 PETANG - 5.00PETANG

TUTUP:

SABTU & AHAD SERTA CUTI UMUM

**PERPUSTAKAAN
POLITEKNIK PREMIER
SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH**

**Persiaran Usahawan,
Seksyen U1,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel:
03-51634000**

**Talian Terus:
03-5163 1264 (Pn Siti
Fatimah)/1265 (Pn.
Norhayati)/1268
(Pejabat)
No Faks:
03-5569 1903**

Portal ILMU :

<http://polpsalib:8080>

Email: pustaka@psa.edu.my

PENGARAH

**KOL. BERSEKUTU (PA) HJ TAJUDDIN BIN ABDUL RASHID
K.M.N.**

PENASIHAT PERPUSTAKAAN

**MEJAR BERSEKUTU (PA) ZALINA BINTI ISMAIL
TIMB.PENGARAH (TPSA)**

PUSTAKAWAN (S44)

PUAN SITI FATIMAH BINTI WAHAB

PUSTAKAWAN (S41)

PUAN NORHAYATI BINTI MAJID

**PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN (S27)
(KOSONG)**

PEMBANTU PERPUSTAKAAN (S17)

PUAN NOR PARASILA BINTI AHMAD KAMALI

PUAN NORLINA BINTI AHMAD

PUAN NURZULIANA BINTI DELLNOOR

PUAN AZLEENA BINTI BASIRON

SUMBANGAN BAHAN

BACAAN

Pihak perpustakaan mengalu-alukan kepada mana-mana staf yang ingin menyumbangkan koleksi bahan kepada pihak perpustakaan. Sumbangan boleh ditujukan terus kepada Pustakawan, Pn Siti Fatimah Wahab.

Sumbangan ini akan dikategorikan sebagai hadiah kepada Perpustakaan PSA